

16 FEB 2003

NAM-Filem

FILEM BERUPAYA BAWA MESEJ KEAMANAN, KATA KARYAWAN FILEM

Oleh: Kurniawati Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Para karyawan filem menyatakan Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) yang bermula hari ini menjadi medan pertemuan terbaik untuk menyalurkan suara keamanan melalui filem.

Wakil delegasi Indonesia Drs Bakri berkata tema yang menekankan keamanan, keharmonian, tiada keganasan dan tiada diskriminasi bersesuaian dengan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung dari 20 hingga 25 Feb di sini.

"Situasi dunia yang telah panas kemudiannya didinginkan oleh persahabatan dan filem menjadi medan untuk mendekatkan kembali hubungan kemanusiaan antara negara-negara antarabangsa," katanya kepada pemberita.

Festival filem selama tiga hari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka di sini malam ini.

Katanya kesungguhan Malaysia menganjurkan festival filem itu merupakan sesuatu yang membanggakan dan berharap ia akan diteruskan dengan penyertaan yang meningkat dari negara-negara lain di dunia.

Pensyarah dari Jabatan Perfileman Akademi Seni Kebangsaan Dr Anuar Nor Arai pula berkata festival filem itu menyediakan ruang untuk menonton "satu bentuk politik" melalui bahasa representasi dan naratif visual tentang keadaan yang menekan di seluruh dunia kini.

"Sebagai satu pilihan politik melalui satu pilihan budaya, filem boleh sahaja mengetepikan politik yang kontemporari dan membawa kita mengisi hubungan fikir serta rasa yang puitis terhadap kemanusiaan," katanya.

"Filem-filem yang terpilih di festival ini sebaik-baiknya adalah reduktif dan berfikir ke arah membentuk masa depan yang bebas serta sesuai dengan NAM dan selari dengan emosi pasif Asia untuk mengisi makna pada mitologi politik Asia," katanya.

Sementara itu, pengeluar filem "The Bride of Fire" dari Iran, Ghasem Ghahfur bersetuju bahawa tema yang dipilih untuk festival berkenaan merupakan elemen yang penting bagi menggalakkan keamanan dunia.

"Orang sering memikirkan tentang perang di dunia. Mereka perlukan beberapa kemudahan untuk berbincang mengenai keamanan, keharmonian serta tanpa diskriminasi dan pawagam mempunyai satu kemudahan untuk mencapai matlamat ini," kata beliau.

"Wayang gambar bukan sekadar untuk hiburan tetapi juga perantara yang berpengaruh untuk menanam mesej di kalangan penonton." kata beliau lagi.

Festival berkenaan akan menyaksikan penyertaan dari 36 negara.

Filem-filem itu akan ditayangkan di Tanjung Golden Village Cinema (TGV) di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Golden Screen Cinema (GSC) di Mid-Valley di sini pada 17 dan 18 Feb 17.

-- BERNAMA

KK UHS AZZ ROS